



جياتن كذاكين شرعية هليسيا

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA (JKSM)

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKSM/100-24/5 (30)
Takwim : 3 Sya'ban 1424H
Tarikh : 29 September 2003

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah- mahkamah Syariah Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2003

Format Pemakaian Iklan Penyampaian Ganti Di Akhbar

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil 4 Tahun 2003 pada 22-24hb Ogos 2003 bersamaan 24-26 Jamadilakhir 1424H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan pemakaian iklan Penyampaian Ganti di dalam akhbar-akhbar tempatan hendaklah mengikut format pemakaian iklan Penyampaian Ganti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia seperti di dalam [lampiran](#) bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman.

2. Arahan Amalan ini adalah tertakluk kepada Arahan Amalan No.8 Tahun 2000

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 November 2003.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Hj. Ab. Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

PUTRAJAYA
2003

LAMPIRAN

**FORMAT SERAGAM IKLAN PENYAMPAIAN GANTI
DI DALAM AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**

6 cm

Dalam Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah
Kes Mal No.

Di Antara :

| | | |
|----------------|--------|----------|
| Nama Plaintiff | | Plaintif |
| | Dengan | |
| Nama Defendan | | Defendan |

Kepada:

Nama dan No. K.P. Defendan

AMBIL PERHATIAN bahawa kamu diminta hadir ke Mahkamah
Tinggi / Rendah Syariah pada
jam..... Bicara tuntutan oleh Plaintiff.
Hadir / tidak, keputusan dibuat.

Bertarikh

8 cm